

## BAB 1 : ZAMAN REMAJA

Pulau Pinang<sup>1</sup> atau juga dikenali sebagai Pulau Mutiara telah melahirkan seorang tokoh politik yang terkenal dalam sejarah politik Malaysia; beliau ialah Tun Dr.Lim Chong Eu ( LCE ).<sup>2</sup> Beliau adalah keturunan Cina Peranakan atau Baba<sup>\*</sup> dan merupakan generasi keenam yang bermastautin di Pulau Pinang.<sup>3</sup> Beliau adalah orang Cina berdialek Hokkien,<sup>4</sup> beraliran Su Beng dan berasal dari Hosan di Xiamen dalam wilayah Fuqian.<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Nama " Pulau Pinang " mula disebut dalam rekod-rekod mengenai Tanah Melayu dalam tahun 1591. Kapten James Lancaster, salah seorang pengembara Inggeris yang belayar di perairan Selat Melaka, telah menyebut mengenai " Pulau Pinang " yang disebut sebagai " Poolo Pinang ". Di pulau itu, terdapat pokok-pokok pinang yang tumbuh dengan banyaknya di merata tempat dan adalah dipercayai itulah sebabnya nama pulau itu digelar Pulau Pinang. Sila lihat Zakiah Hanum, *Asal-Usul Negeri-Negeri di Malaysia*, Times Books International, Singapore, 1989, hlm.62.

<sup>2</sup> Ketua Menteri Pulau Pinang hari ini, Dr.Koh Tsu Koon juga bekas setiausaha politik Dr.Lim Chong Eu mengatakan " Dr.Lim adalah guru saya ". *Sin Chew Jit Poh*, 5/3/99. Perdana Menteri Malaysia, Dato'Seri Dr.Mahathir Mohamad kata "Dr.Lim Chong Eu banyak membawa kemajuan kepada Pulau Pinang". *Utusan Malaysia*, 20/11/90. Selain daripada itu, LCE juga banyak menerima gelaran kerana sumbangan kepada Pulau Pinang seperti " Bapa Pembangunan Pulau Pinang ", *New Life Post*, 16/9/92. " Bapa Perindustrian Elektronik ", *Kwong Wah Jih Poh*, 2/4/98. " Bapa Ketuanan Cina ", *Sin Chew Jit Poh*, 6/1/95. " Arkitek Pulau Pinang Moden ", *Nanyang Siang Pao*, 24/12/99. Terdapat pandangan negatif mengatakan LCE terlalu tamakkan kuasa sehingga menyebabkan GERAKAN tidak mempunyai pemimpin yang berwibawa bagi menggantikannya sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang, *Thung Pao*, 27/10/90.

<sup>\*</sup> Baba Melaka dan Singapura dikenali sebagai Peranakan Cina atau " Chinese Peranakan ". Mereka dikenali sebagai Baba dan Peranakan. Mereka adalah orang Cina yang berakar bahasa Melayu dengan gaya baba di samping bahasa Inggeris. Sejarah Baba Melaka bermula dengan penempatan orang Cina di Melaka, dipercayai bermula pada abad 16M. Mereka kemudiannya telah berkahwin dengan wanita tempatan. Pembentukan Negeri-Negeri Selat pada 1826 telah menyatukan *local-born Chinese* di Melaka, Singapura dan Pulau Pinang dalam satu unit politik baru. Untuk maklumat tambahan, sila rujuk Tan Chee Beng, *Chinese Peranakan Heritage : in Malaysia and Singapore*, Fajar Bakti Sdn.Bhd, Kuala Lumpur, 1993, hlm.1-23.

<sup>3</sup> Tee Ai Kin, " YAB Dr.Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang : Sebuah Biografi Ketokohan dan Kepimpinan Dr.Lim Chong Eu dalam Bidang Politik Khususnya di Pulau Pinang 1919-1980, " .Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1983/84, hlm.1.

<sup>4</sup> Puak Hokkien ialah puak yang mula-mula sekali berhijrah ke Tanah Melayu. Kebanyakan mereka tinggal di Pulau Pinang, Singapura dan Johor. Puak Cina yang lain ialah Kantonis, Hakka, Teochew dan Hailan. Sidek Fadzil, *Sejarah Orang Cina di Tanah Melayu*, Pustaka Aman Press, Kota Bahru, Kelantan, 1970, hlm.51. Ramanathan Indira, *China and the Ethnic Chinese in Malaysia and Indonesia 1949-1992*, Sangam Books Limited, London, 1994, hlm.14.

<sup>5</sup> Siri Syarahan Umum Bil.II oleh Tun Dato'Seri Dr.Lim Chong Eu bertajuk " Integrasi Nasional : Cabaran bagi Malaysia yang berbilang kaum " di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1996. Provinsi Fuqian merupakan kawasan lingkungan negeri Yuen semasa zaman peperangan Chun Gu. Oleh kerana ketidakamanan politik, ramai orang Cina Han melarikan diri ke Fuqian. Golongan orang Han yang pertama masuk ke Fuqian mempunyai nama keturunan Lim, Wong, Tan, Teh, Khoo, Ho, Wu. Dengan kemasukan mereka, provinsi Fuqian berkembang pesat dari segi ekonomi, pertanian, perlombongan, pertukangan, perniagaan. Sifat kerajinan dan ketabahan serta kemahiran dalam pelayaran mendorong mereka berhijrah ke kawasan-kawasan lain termasuk Tanah Melayu. Manakala Xiamen terletak di kawasan Tenggara



Gambar 1.1 Peta Tanah Melayu

Fujian, dikenali sebagai taman bunga, pelabuhan China Selatan yang terkenal. Majalah Cenderamata Jubli Emas Hokkien Hoay Kuan, hlm.207-208.

Sebenarnya LCE adalah keturunan dari keluarga yang agak mewah. Datuknya bernama Lim<sup>\*\*</sup> Cheng Sah telah merantau ke Singapura bersama dengan pakkiknya semasa berumur 13 tahun. Oleh kerana keluarga Lim menetap di Xiamen yang agak mudah dalam membuat pelayaran maka ramai yang mengadu nasib di Nanyang. Cheng Sah dan pakkiknya telah memulakan perniagaan di Singapura. Pada mulanya, mereka bekerja dengan G.Crane dan Dunman dalam menguruskan ladang kelapa. Tidak lama kemudian, Cheng Sah telah membuka kedai runcit dan kedai pajak. Seorang lagi bapa saudaranya iaitu Lim Lip menjalankan aktiviti menangkap ikan di Indonesia tetapi gagal dalam perniagaan sehingga menyebabkan beliau kembali ke Xiamen dan bekerja sebagai buruh.


Datuk LCE, Lim Cheng Sah mempunyai tiga orang isteri. Isteri pertama iaitu Chew Eu Neo melahirkan empat orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan. Mereka terdiri dari Lim Chwee Leong, Lim Han Hoe,<sup>6</sup> Lim Chuen Chee, Lim Tian Fook, Lim Pong Neo dan Lim Keng Eng. Manakala isteri keduanya pula beranak empat iaitu Pong Sai, Ah Kim, Eng Neo, Kim Ah. Isteri ketiga beranak dua orang lelaki iaitu Pong Seng dan Phian Huat.

Bapa LCE bernama Lim Chwee Leong ( 1819-1957 ). Beliau dilahirkan pada 17 Jun 1819 di Singapura. Semasa kecil, Chwee Leong pernah mendapat pendidikan Cina

---

<sup>\*\*</sup> Nama keturunan Lim mula-mula sekali digunakan oleh puak Han. Terdapat satu legenda tentang asal-usul penggunaan nama keturunan ini; seorang budak yang dinamakan Chuen dilahirkan di gua di kawasan hutan dan diberi nama Kin tetapi kemudiannya diberi nama keturunan Lim oleh Raja Wu pada zaman Dinasti Chou. Maka sejak itu, nama keturunan ini mula digunakan dengan meluas. *Nanyang Siang Pao*, 9/4/2000.

<sup>6</sup> Lim Han Hoe dilahirkan pada April 1894. Beliau pernah mendapat didikan di Sekolah Cina Chong Cheng sebelum memasuki Sekolah Mualigh St.Andrew dan Raffles Institution. Pada tahun 1912, beliau melanjutkan pelajaran ke London sebelum memasuki Universiti Edinburgh pada tahun berikutnya. Beliau juga belajar di Royal Colleges of Surgeons and Physicians di Edinburgh. Pada tahun 1918, beliau memperolehi ijazah M.B.Ch.B. Beliau meninggal dunia pada tahun 1983 di Singapura. Song Ong Siang, *One Hundred Years' History of the Chinese in Singapore*, Oxford University Press, Singapore, 1984, hlm.483.




Gambar 1.2 Peta Negara China

selama tiga tahun sebelum memasuki St. Andrew's Mission School dan Raffles Institution. Pada tahun 1908, beliau berjaya melanjutkan pelajaran ke Straits Settlements and Federal Malay States Government Medical School.<sup>7</sup> Beliau adalah penuntut terbaik dalam bidang Psikologi dan Anatomi serta dianugerahkan pingat Lim Boon Kheng<sup>8</sup> semasa hari penerimaan ijazahnya pada tahun 1913. Walaupun hanya berusia 22 tahun pada waktu itu, namun beliau merupakan seorang yang bercita-cita tinggi. Untuk mencapai matlamat itu, beliau meninggalkan Singapura dan membawa diri ke Pulau Pinang. Chwee Leong memulakan kerjaya dengan berkhidmat di Hospital Daerah Kerajaan Pulau Pinang (Penang General Hospital) sebagai Pembantu Pakar Bedah (Assistant Surgeon) pada tahun 1913 tetapi meletak jawatan untuk memulakan usaha persendirian pada tahun 1914. Beliau membuka Colonial Dispensary beralamat No.104, Prangin Road. Klinik ini kemudiannya dinamakan Su Beng oleh bapanya sempena nama kampung asalnya di Fuqian.<sup>9</sup>

<sup>7</sup> *Straits Settlement and Federal Malay States Government Medical School* ditukar nama kepada *King Edward VII College of Medical School* pada tahun 1912. Pada tahun 1921, ia sekali lagi ditukar ke nama *King Edward VII College of Medical*. Kolej Perubatan ini bersatu dengan *Raffles Institution* pada 1949 untuk menjadi Universiti Malaya. Lim Shui Hou, "Dr.Lim Chong Eu : Jatuh bangun dalam politik" (bahan tidak bercetak), 2000, hlm.2-3. Penulis mendapat rencana ini daripada Dr.Lim Shui Hou sendiri. Lee Kam Hing dan Chow Mun Seong, *Biographical Dictionary of the Chinese in Malaysia*, Pelanduk Publications, Kuala Lumpur, 1997, hlm.107.

<sup>8</sup> Lim Boon Kheng dilahirkan pada 18 Oktober 1869 di Singapura. Beliau merupakan orang Cina pertama mendapat *Queen's Scholarship* dan melanjutkan pelajaran ke Universiti Edinburgh pada tahun 1887. Pada Ogos 1892, beliau mendapat ijazah M.B.C.M (kelas pertama). Beliau merupakan seorang peranakan Singapura yang terkenal pada akhir kurun ke 19 dan pertengahan kurun 20. Beliau adalah seorang pelopor bank dan insuran dalam masyarakat Cina di Tanah Melayu. Lim Boon Kheng juga adalah seorang penulis, doktor dan reformis masyarakat Cina. Beliau pernah dianugerahkan O.E.B oleh Kerajaan England kerana sumbangan besar dalam British Red Cross semasa peperangan. Beliau meninggal dunia pada tahun 1957 di Singapura pada umur 88 tahun. Mei Jing, *Riwayat Orang-Orang Tionghua Yang Mashhor di Tanah Melayu*, Shanghai Publications, Singapura, 1961, hlm.118-130. Cheng Kuang Yu, *The Distinguished Overseas Chinese in Singapore and Malaysia*, Wah Kang Publications, Taipei, 1966, hlm.55-85.

<sup>9</sup> Chung W.W dan Yeoh T.G, *Historical Personalities of Penang*, Historical Personalities of Penang Committee, Penang, 1986, hlm.96. Hari ini, Prangin Road dikenali dalam nama bahasa Malaysia iaitu Jalan Dr Lim Chwee Leong, Penang.



**Gambar 1.3** Bapa LCE, Dr.Lim Chwee Leong

---

*Streets of George Town Penang : An Illustrared Guide To Penang's City Streets and Historic Attractions,*  
Janus Print & Resources, Penang, 1993, hlm.152.

Sungguhpun Chwee Leong merupakan seorang yang berpendidikan barat tetapi beliau masih terikat kuat dengan nilai-nilai tradisional Cina. Semasa beliau hendak membina klinik Su Beng, beliau menjemput seorang guru *feng shui* untuk memberi cadangan mengenai rekabentuk pembinaan bangunan tersebut. Atas nasihat guru *feng shui* ini, binaan bumbung bangunan ini dibuat mengikut bentuk mangkuk besar kerana dipercayai mangkuk ini membawa maksud seluruh penduduk Pulau Pinang akan dilindungi dan dijaga di bawah mangkuk besar ini yang juga dikenali sebagai “Payung Pelindung”.<sup>10</sup>

Dr.Lim Chwee Leong yang masih bujang datang ke Pulau Pinang dan tinggal di Arraton Road. Sebuah keluarga tinggal bertentangan dengan rumahnya mempunyai seorang anak gadis bernama Cheah Swee Hoon. Swee Hoon adalah anak kepada Cheah Kee Ee, seorang saudagar am, peladang getah dan pengusaha bijih timah yang maju dan progresif serta menjalankan kempen menentang poligami pada tahun 1918.<sup>11</sup> Oleh kerana kedua-dua anak muda ini tinggal berdekatan, maka mereka dengan mudah tertarik hati antara satu sama lain dan akhirnya jatuh cinta. Mereka kemudian berkahwin pada tahun 1918. Hasil perkahwinan Lim Chwee Leong dan Cheah Swee Hoon, pasangan suami

<sup>10</sup> Klinik Su Beng terkenal di Pulau Pinang kerana bangunan ini mempunyai bumbung yang besar berbentuk mangkuk. Di Pulau Pinang , tidak ada bangunan lain berbentuk seumpama ini. Klinik ini berbeza klinik lain kerana dimiliki oleh keluarga LCE. Masyarakat Cina di Pulau Pinang percaya sesiapa yang tinggal dan berniaga di bangunan ini akan mendapat rezeki besar. Mereka juga percaya keretakan di bahagian bumbung mangkuk inilah yang menyebabkan LCE kalah dalam Pilihanraya Umum 1990. Selain itu, beliau juga kalah dalam perebutan jawatan Presiden Kelab Lumba Kuda Pulau Pinang pada 28/7/92. Masyarakat Cina percaya jika keretakan bangunan ini sempat diperbaiki oleh LCE, nasib malang ini tidak akan menimpanya. *New Life Post*, 16/9/92. Beliau kalah dalam Pilihanraya Umum pada 21 Oktober 1990 apabila gagal mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Padang Kota yang diwakilinya sejak lima penggal berturut-turut kerana kalah kepada Setiausaha Democratic Action Party ( DAP ), Lim Kiat Siang dengan kelebihan undi sebanyak 706 undi. *Utusan Malaysia*, 12/11/90. *Thung Pao*, 23/10/90.

<sup>11</sup> Chung W.W dan Yeoh T.G, *Historical Personalities of Penang*, hlm.96. Cheah Kee Ee dilahirkan pada tahun 1869 di Pulau Pinang. Beliau pernah mendapat didikan di St Xavier's Institution. Beliau memiliki ladang-ladang getah dan kelapa di daerah Bagan Datoh. Beliau adalah pemilik dan pengurus Ban Kee Wine and Spirit Distilleries. Beliau terkenal di Negeri-Negeri Selat dan neger-negeri Melayu di mana syarikatnya



**Gambar 1.4 Ibu LCE, Cheah Swee Hoon**

---

mempunyai cawangan-cawangan di bandar-bandar utama. Lee Kam Hing dan Chow Mun Seong,  
*Biographical Dictionary of the Chinese in Malaysia*, hlm 16.

isteri muda ini dikurniakan seorang bayi yang comel dan montel pada 28 Mei 1919. Bayi ini dinamakan Lim Chong Eu yang bererti “ sentiasa diberkati tuhan ”.<sup>12</sup> Bayi inilah yang kemudiannya telah berjaya mengegarkan arena politik Malaysia amnya dan kancang politik masyarakat Cina khususnya.


Sebenarnya LCE mempunyai seorang kakak, tiga orang adik lelaki dan tiga orang adik perempuan. Adik lelakinya, Chong Soo adalah seorang ahli farmasi dan bekerja di klinik Su Beng. Adik lelaki kedua pula ialah Chong Beng bekerja sebagai akautan di Singapura. Adik lelaki ketiganya, Chong Keat adalah seorang arkitek yang terkenal dan memainkan peranan penting dalam rekaan<sup>13</sup> Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), satu projek pembangunan di Pulau Pinang. Kakaknya ialah Siew Luang manakala adik-adik perempuannya ialah Siew Wah, Siew Mei dan Siew Mui.<sup>14</sup>

Atas kesedaran ibubapanya bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa rasmi di Pulau Pinang, maka LCE dihantar ke sebuah sekolah Inggeris iaitu Sekolah Hutching. Beliau telah ditempatkan di darjah 1B. Semasa belajar di sekolah ini, beliau tidak menunjukkan pencapaian akademik yang baik. Ini kerana LCE selalu menduduki tempat terakhir di dalam kelasnya.


<sup>12</sup> Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, Penang Island Publishers, Pulau Pinang, 1988, hlm.2. Terdapat perbezaan pendapat mengenai tempat kelahiran LCE. Tee Ai Kin dan Cheah See Kian mengatakan ia terletak di Arraton Road. Tee Ai Kin, “ YAB Dr.Lim Chong Eu ”, hlm.1. Berdasarkan tulisan terbaru Lim Shui Hou pula, ia terletak di Burmah Road. Lim Shui Hou, “ Dr.Lim Chong Eu ”, hlm.4.

<sup>13</sup> Isu ini dibangkitkan oleh pihak pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri bahawa LCE mengamalkan nepotisme dengan memberikan projek ini kepada adiknya, Lim Chong Keat. Perbincangan lebih lanjut terdapat dalam bab 5. *Sin Chew Jit Poh*, 16/11/73, SP45/3240, Vol.16, No.52. Lim Chong Keat pernah mendapat latihan praktikal kejuruteraan di Boston. Manakala Lim Chong Beng pula mendapat didikan perakaunan di London. *Sing Pin Jit Poh*, 2/6/57.

<sup>14</sup> Siew Luang meninggal dunia tidak lama selepas berkahwin. Siew Hua pula berkahwin dengan seorang doktor pergigian iaitu Dr.Ong Kee Yen, Siew Mei berkahwin dengan Dr.Tan Boon Meng, Siew Mui berkahwin dengan seorang kenamaan di Singapura iaitu Cheah Chin Chong. Lim Shui Hou, “ Dr.Lim Chong Eu ”, hlm.3.



**Gambar 1.5** Klinik Su Beng



**Gambar 1.6** Rumah LCE semasa kecil di Macalister Road

Keputusan peperiksanan LCE ini membimbangkan kedua-dua orang tuanya, akhirnya mereka mengambil keputusan untuk menghantarnya belajar di Penang Free School. Semasa belajar di sekolah ini, beliau mula menunjukkan prestasi akademik yang memuaskan.<sup>15</sup> Salah satu faktor penting yang menyebabkan keputusan peperiksaan LCE semakin baik adalah kerana guru-guru sekolah ini memberi tunjuk ajar yang baik. Beliau amat meminati guru-guru yang mengajarnya dan sangat menghormati mereka. Guru-guru ini terdiri daripada Encik Zainal Abidin, Encik C.P.Purcell, Encik Quek Keat Beng , Encik Tan Kiat Liew, Encik L.N.Niversil dan Dr.James Mongket.<sup>16</sup> Walaupun semasa kecil, LCE agak nakal seperti budak-budak yang lain namun beliau seorang pelajar yang sangat minat membaca dan bersukan. Beliau bukan sahaja cemerlang dalam pelajaran tetapi juga aktif dalam bidang ko-kurikulum. Beliau pernah menjadi ahli persatuan pidato di sekolah. Di sekolah, LCE sering mendapat tumpuan di kalangan gurunya kerana kepandaian berpidato, selalu berpakaian kemas dan mempunyai penguasaan bahasa Inggeris yang sangat baik. Beliau juga terkenal di kalangan pelajar-pelajar kerana merupakan seorang pelajar yang pintar. Kawan-kawan karibnya juga merupakan orang-orang yang berjaya kemudiannya, antaranya ialah bekas Ketua Hakim Singapura iaitu Ooi Chong Jin, Hakim Tan Ah Tat, Peguam Lim Kean Chye, Peguam Lim Kean Siew dan ramai lagi.

Kesukaan LCE membaca buku adalah kerana beliau merupakan seorang yang memandang tinggi pada ilmu, beliau pernah berkata :

**Kebijaksanaan membentuk ciri-ciri seseorang dan dapat**

---

<sup>15</sup> Ooi Hock Thiam, “ Dr.Lim Chong Eu : Satu Biografi ,” Latihan Ilmiah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1987/88.

<sup>16</sup> Tee Ai Kin, “ YAB Dr.Lim Chong Eu ”, hlm.6.

mengelak seseorang daripada melakukan kejahanan. Kebijaksanaan juga membolehkan seseorang menjadi penasihat dan tabah, memperolehi ilmu dan kebenaran dan juga menggunakannya untuk kebaikan dirinya dan melindungi kepentingan dirinya.<sup>17</sup>

Keluarga LCE boleh dikatakan kaya dan terkenal di Pulau Pinang. Ini kerana bapanya adalah seorang pengamal perubatan dan pakar sakit kanak-kanak yang mashyur di negeri tersebut. Selain itu, beliau juga memainkan peranan yang aktif dalam pelbagai aktiviti sosial. Ia termasuk menubuh Persatuan Doktor Perubatan dan Fu Yew Seah. Beliau juga adalah Presiden Persatuan Orang Cina Seberang Laut.

Memandangkan penglibatannya yang aktif dalam hal-ehwal semasa dan sumbangan jasa kepada masyarakat Pulau Pinang, Kerajaan British melantiknya sebagai Ahli Dewan Lembaga Penasihat Kolonial ( Colonial Consultative Board ) dan Ahli Dewan Jabatan Hal-Ehwal Cina. Sumbangan beliau ini mendapat pengiktirafan kerajaan pada tahun 1937 bila beliau dilantik sebagai Hakim Keamanan.<sup>18</sup>

Walaupun keadaan keluarga Lim adalah kaya, namun ini tidak bererti LCE dan adik-adiknya sentiasa dimanja-manjakan dan kehendak mereka selalu dipenuhi. Sebaliknya bapa mereka amat menitiberatkan pendidikan anak-anaknya. Semasa kecil, bapa LCE telah mengajarnya mengenali bintang dengan menggunakan kompas dan ibu pula mengajarnya menggunakan jarum jam untuk mengenali masa. Pendidikan ini memberi kesan mendalam pada LCE.

Keluarga Lim juga terkenal dengan cara didikan anak yang sempurna iaitu ia mengutamakan didikan kasih sayang berbanding dengan menggunakan rotan sahaja. Semasa LCE masih kecil, mereka telah berpindah dari rumah di Arraton Road ke sebuah

---

<sup>17</sup> Sing Pin Jit Poh, 28/5/57, Sing Pin Jit Poh, 2/6/57.

rumah bungalow di Macalister Road. Sesungguhnya pada zaman itu, hanya segelintir kanak-kanak yang dapat hidup dan membesar dalam keluarga yang sebegitu selesa. Di rumah, bapanya amat mementingkan disiplin anak-anaknya serta mahu mereka bekerja keras, manakala ibunya pula sentiasa memberi kasih sayang sepenuhnya.<sup>19</sup> Tambahan pula, LCE dan adik-adiknya juga diberi bimbingan dan latihan yang sempurna serta didikan untuk menjadi seorang pemimpin yang berwibawa. Ternyata, didikan bapanya yang tegas telah berjaya menjadikan LCE seorang yang tabah walaupun dalam apa keadaan sekalipun.

Selain itu, LCE dan adik-adiknya juga tidak dibenarkan membuang masa dengan bermain-main sahaja tetapi mereka sentiasa diarah oleh bapanya untuk mengerjakan taman di rumahnya. Semasa kecil, LCE dipupuk minat mengenai kesenian taman oleh bapanya.<sup>20</sup> Minat ini kekal hingga hari ini. Hobi LCE ialah melukis, memancing ikan dan bermain catur. Manakala sukan yang diminatinya ialah kriket, hoki, tenis dan badminton.<sup>21</sup>

Sungguhpun bapanya sibuk dengan tugasannya tetapi beliau tetap meluangkan masa bersama anak-anaknya. LCE selalu mengikut bapanya memancing dan berenang di tepi pantai.<sup>22</sup> Inilah sebabnya LCE suka memancing. Baginya, memancing itu dapat membolehkannya mencari ketenangan dan mendapat ilham untuk memajukan diri. Oleh

---

<sup>18</sup> Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.6.

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm.2.

<sup>20</sup> Selepas LCE bersara dari arena politik, beliau mempunyai tiga cita-cita. Salah satu ialah mengharapkan terdapat pelbagai jenis bunga ditanam di Pulau Pinang untuk mencantikkan bandar tersebut. *Sin Min Ryh Baw*, 16/8/94. *Kwong Wah Jih Poh*, 17/4/73, SP 45/3238, Vol.14, No.52.

<sup>21</sup> Beliau amat mencintai alam semulajadi. Di rumahnya sekarang, terdapat 100 jenis bunga, pokok buah-buahan, sayur-sayuran, orkid, bunga dan tumbuhan-tumbuhan. Beliau juga memelihara anjing, ikan dan dapat mengenalkan jenis burung dengan hanya mendengar suaranya. *Nanyang Siang Pao*, 21/4/94.

<sup>22</sup> Menurut Madam Ngoh Hean Hoon, 75 tahun, kawan Dr.Lim kata semasa kecil, LCE selalu ikut bapanya memancing di tepi sungai. *The Star*, 5/2/73, SP45/3237, Vol.13, No.52.

itu, semasa memancing, beliau tidak suka bercakap-cakap dan dapat memancing untuk masa yang lama.<sup>23</sup>

Hubungan LCE dan bapanya memang erat sekali.<sup>24</sup> Pernah sekali terdapat satu ketumbuhan di bahagian paha LCE. Ini menyebabkan bapanya berasa sangat cemas. Beliau meminta nasihat daripada seorang saudaranya yang mengamalkan perubatan tradisional Cina walaupun beliau sendiri adalah seorang doktor. Selepas itu, beliau mengambil keputusan menjalankan satu perbedahan kecil di bahagian pahanya untuk membuang ketumbuhan tersebut. Sebelum perbedahan itu dijalankan, bapanya bertanyakan pada LCE, “ adakah anda takut pada kesakitan ? ”. Maka LCE menjawab dengan berani yang dia tidak takut pada sebarang kesakitan. Walaupun LCE dapat menahan kesakitan semasa perbedahan dijalankan tetapi parut perbedahan itu masih kelihatan di bahagian paha LCE sehingga hari ini. Insiden ini menunjukkan betapa sayangnya Dr.Lim kepada anak-anaknya dan kemampuan serta keberanian LCE dalam menghadapi tekanan. Sikapnya yang agresif ini banyak membantu perjalanan hidupnya sebagai ahli politik kemudiannya.

Semasa kecil, LCE sudah menonjolkan ciri-ciri seorang pemimpin. Ini diakui oleh Datuk Lowe Hooi Seah dan isterinya, Tan Koon Gaik. Mereka berdua adalah kawan rapat ibubapa LCE dan selalu bermain tenis di rumah bungalow Dr.Lim. Datuk Lowe pernah berkata :

<sup>23</sup> *Malayan Thung Pao*, 1/6/69, SP 45/3225, Vol.1, No.52.

<sup>24</sup> Salah satu alasan LCE enggan terima jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang yang pertama pada tahun 1957 kerana beliau masih berkabung akibat kematian bapanya. Bagi masyarakat Cina adalah pantang bagi seseorang itu menerima sebarang tawaran terutama ke jawatan itu di dalam masa berkabung. “ Dr.Lim Chong Eu gagal jadi pemimpin MCA, ” dalam SARINA, Jun 1985, hlm.8-9. *Sing Pin Jit Poh*, 11/8/57. Perbincangan lebih lanjut akan dibuat dalam bab 2.

Cara Chong Eu berjalan itu sangat berbeza dengan orang biasa, dia berjalan dengan segak sekali dan memiliki ciri-ciri seorang pemimpin.<sup>25</sup>

Adik LCE pula menambah :

Abang saya ini memang seorang abang yang sebenar kerana beliau adalah pemimpin dalam semua jenis permainan dan kami hanya mengikut sahaja.<sup>26</sup>

Ini menunjukkan dalam usia yang begitu muda, LCE sudah menampakkan ciri-ciri seorang pemimpin. Selain bakat yang ada pada LCE, didikan ibubapa juga salah satu faktor penting menjadikannya sorang pemimpin yang berwibawa.

Beliau semasa kecil telah dididik bersikap jujur dan menghormati orang yang lebih tua. Beliau amat menghormati Datuk Lowe. Walaupun LCE telah menjadi Ketua Menteri kemudiannya tetapi beliau sentiasa mendapat nasihat dan tunjuk ajar daripadanya. Contohnya pernah timbul satu pertelingkahan antara LCE dan Datuk Loh Boon Siew mengenai soal pembangunan tanah. Akhirnya, mereka berdua menemui Datuk Lowe untuk menyelesaikan masalah ini di pejabatnya di Lowe Motor Company.<sup>27</sup>

Tahun 1930an merupakan satu detik yang penting dalam hidup LCE Beliau belajar di sekolah menengah antara tahun 1933 hingga 1937. Semasa belajar di sekolah menengah, beliau telah berpeluang melibatkan diri dalam penubuhan Persatuan Pidato, Persatuan Sains Persatuan Fotografik dan Persatuan Tenis. Ini dilakukannya dengan tujuan untuk menjadikan dirinya seorang yang serba boleh bukan sahaja dalam bidang

<sup>25</sup> Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu* , hlm.3-4.

<sup>26</sup> *Ibid.*, hlm.3.

akademik tetapi juga ko-kurikulum. Selain itu, LCE juga memegang jawatan yang penting dalam persatuan-persatuan ini. Beliau adalah pengawas sekolah, setiausaha Persatuan Pidato, editor majalah sekolah dan ketua pasukan menembak sekolah.

Mengikut akhbar *Sunday Times* :

*A crack shot in your younger days, Dr.Lim is proud of the record score (117 points in the Empire Classification of 120) in which he once chalked up in an inter school contest with the St.Xavier's team for the cheeseman shield.<sup>28</sup>*

Atas galakan bapanya, LCE juga menyertai pasukan beruniform iaitu pasukan pengakap. Bagaimanapun, beliau tidak mencapai prestasi yang memuaskan kerana sikapnya yang aktif dan sukar dikawal. Ini menyebabkan beliau tidak dapat menjadi ketua pengakap. Beliau, atas nasihat bapanya juga kemudiannya memasuki pasukan kadet. Dalam tempoh tiga bulan, beliau menjadi ketua pasukan kadet dan berjaya mendapat pangkat Leftenan dalam masa setahun. Di sini menunjukkan kepatuhan LCE kepada kata-kata bapanya.

Beliau juga mempunyai minat membaca yang cukup mendalam apabila beliau telah mampu membaca habis semua buku di perpustakaan. Rakan sekolahnya pernah mengatakan :

Chong Eu menghabiskan semua masa yang ada di perpustakaan, kadang-kadang beliau membawa buku ke kebun rambutan dan membacanya di bawah pokok (Terdapat sebuah dusun rambutan yang terletak bertentangan dengan Penang Free School pada masa itu).<sup>29</sup>

---

<sup>27</sup> *Ibid*, hlm.4. Salah satu sebab adalah LCE bertindak mengambil dan membekukan tanah milik Datuk Loh Boon Siew untuk tujuan pembangunan Pulau Pinang. Ini menimbulkan kemarahan Datuk Loh. Chua See Ho, *Kisah Loh Boon Siew*, Fajar Publications, Johor Bahru, 1995, hlm.98.

<sup>28</sup> *Sunday Times*, 30/3/58, SP 13/D/142.

Semasa membaca, beliau mempunyai satu tabiat iaitu akan membaca habis sesebuah buku itu samada memahaminya atau tidak. Apabila beliau mengatakan telah membaca semua buku dalam perpustakaan, dakwaannya itu telah diragui oleh sesetengah rakan sebayanya. Mereka menganggap kata-kata LCE itu hanya satu tipu helah sahaja. Ini menyebabkan LCE mencabar mereka dengan mengatakan “ anda semua boleh menamakan apa sahaja buku yang dikehendaki dan saya akan menunjukkan lokasinya ”. Beliau kemudiannya menamakan beberapa buku terkenal seperti buku terjemahan Confucius, Lao Tze, “ Sun-minnism ” oleh Sun Yat Sen, buku falsafah Britain Bertrand Russell dan biografi Gandhi. Keyakinan LCE mempertahankan dirinya menyebabkan rakan kelasnya terpaksa menarik balik dakwaan mereka bahawa sebenarnya LCE adalah membesarkan diri. Sebenarnya terdapat juga kawan LCE yang mempercayai bahawa beliau mempunyai masa dan kesabaran membaca habis semua buku itu. Ini kerana LCE mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih banyak daripada rakan sebayanya.

Kepintaran dan kerajinan LCE sering menjadi sebutan para guru dan pelajar di sekolah. Ini menyebabkan LCE menjadi begitu terkenal apabila beliau menamatkan alam persekolahannya di Penang Free School. Salah seorang kawannya pernah menyebut “Chong Eu cemerlang dalam pelajaran, pemidato yang terkenal dan cemerlang dalam sukan. Dia bukan sahaja seorang pelajar tetapi bercita-cita tinggi”.<sup>30</sup>

Sungguhpun LCE mencapai kecemerlangan dari segi akademik dan kurikulum, tetapi beliau merupakan seorang yang mesra dan tidak menunjukkan keangkuhannya. Beliau tidak pernah mengelak daripada berkawan dengan mereka yang miskin walaupun beliau sendiri berasal dari sebuah keluarga yang kaya dan bapanya

---

<sup>29</sup> Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.5.

<sup>30</sup> *Ibid.*, hlm.5-6.

adalah seorang doktor. Beliau juga sering menjemput kawan-kawannya ke rumahnya untuk ulangkaji dan bermain. Ini menunjukkan bapa LCE telah mendidik anak dengan baik.

### **Belajar di England**

Pencapaian LCE yang cemerlang dalam bidang akademik telah membolehkan beliau mendapat *Queen's Scholarship* untuk melanjutkan pelajarannya ke England pada tahun 1937.<sup>31</sup> Ibu bapa LCE telah membenarkan pemergian anak kesayangannya itu melanjutkan pelajarannya di luar negeri dengan harapan dia akan mencapai masa depan yang lebih cemerlang walaupun terpaksa bepisah untuk beberapa tahun. Sesungguhnya peluang menimba ilmu di England menjadi satu lagi platform kepada LCE untuk lebih berjaya dalam hidupnya

Pada waktu itu, Eropah sedang dilanda keadaan kacau-bilau dan huru-hara serta perang berlaku di sana-sini kerana kebangkitan Hitler Mossouhim der Boshevik. Asia pula menyaksikan perluasan kuasa tentera Jepun mengembangkan kawasan taklukannya. Akhirnya keadaan ini telah mencetuskan Perang Dunia Kedua setahun kemudian. Dalam keadaan yang tidak tenteram, LCE meninggalkan Pulau Pinang dan mencari ilmu di England. Beliau tidak pernah berasa bimbang dengan keadaan tersebut.

Menurut LCE :

Bila saya meninggalkan Pulau Pinang, tempat saya lahir dan membesar, matlamat saya hanya satu iaitu mencari ilmu pengetahuan. Saya ingin menjadi seorang yang

<sup>31</sup> Kwong Wah Jih Poh, 14/2/89. "Biodata Tun Dr.Lim Chong Eu, Bekas YAB Ketua Menteri Pulau Pinang , " sempena penganugerahan gelaran Utamawan Kota Bandaraya Georgetown kepada YAB Dr.Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang pada 19 Disember 1984. Sung Chek Mei ( ed ), *Who's Who in Singapore and Malaysia*, Series No.2, Volume 1, South East Asia Research Institute, Hong Kong, 1972, hlm.233.

berguna dan satu-satu cara ialah memperolehi sebanyak ilmu yang mungkin tanpa mengira masa dan tempat.<sup>32</sup>

Semasa berada di England, LCE pada mulanya memilih untuk mengambil Jurusan Undang-Undang di Gary Inn. Selepas memperolehi ijazah Undang-Undang pada tahun 1940, beliau tidak menjadi seorang penguam sebaliknya mengambil jurusan perubatan di Universiti Edinburgh. Beliau menghabiskan empat tahun untuk menamatkan pengajian ini. Pada tahun 1944, LCE memperolehi ijazah Perubatan dan Perbedahan ( M.B.Ch.B )<sup>33</sup> yang melayakannya menjadi seorang doktor. Sepanjang tahun 1937 hingga 1944, LCE adalah pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik di Universiti tersebut menyebabkan beliau layak mendapat biasiswa pelajaran setiap tahun.<sup>34</sup>

Kecemerlangan dalam pelajaran tidak menghalang beliau aktif dalam aktiviti persatuan di Universiti. Pada tahun pertama pengajian di Universiti, beliau dipilih menganggotai Majlis Pelajar iaitu satu institusi yang perjalanannya bercorak demokrasi berparlimen. Selain itu, beliau juga merupakan satu-satunya pelajar dari Tanah Melayu yang berpeluang menyertai pasukan pidato Universiti. Selain itu, LCE banyak menyumbangkan tulisan-tulisannya dalam majalah pelajar dan pencetakan lain. Beliau juga salah seorang penganjur Central Union bagi pelajar Cina di Britain.<sup>35</sup> Penyertaan seumpama ini memberi satu latihan yang berguna kepadanya dari segi menganjur dan mengendalikan persidangan. Keaktifan LCE ini menyebabkan beliau menjadi seorang pelajar yang popular di Universiti.

<sup>32</sup> Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.7.

<sup>33</sup> Lim Shui Hou, "Dr.Lim Chong Eu", hlm.4. *Kwong Wah Jih Poh*, 14/2/89.

<sup>34</sup> *Sin Min Ryh Baw*, 20/4/94.

<sup>35</sup> *Sunday Times*, 30/3/58, SP13/ D/142.

Kehidupan di England memberi satu pengalaman hidup yang amat berharga bagi LCE. Ini kerana beliau melihat sendiri kekejaman kuasa Nazi di Eropah. Keadaan bertambah buruk bila England terpaksa menyertai Kuasa Berikat dalam percubaan untuk mengelak daripada dijajah oleh Jerman. Jepun pula terus dengan dasar perluasan kuasa di China dan Asia Tenggara. Dunia pada masa ini diselubungi kegelapan di mana keadilan dan kebebasan bertempur dengan kekejaman dan kejahatan.

Dengan memiliki segala ilmu yang ada, LCE menganalisa keadaan yang berlaku di dunia pada masa itu. Seluruh dunia berada dalam ketakutan dan kesusahan kerana timbul pelbagai ideologi. Kekejaman ingin menguasai dunia dan menghapus kebebasan serta menindas mereka yang tidak bersalah. Bagi LCE, apabila manusia mencari kebebasan dan menentang penindasan, ini mewujudkan konflik yang kuat. Menurutnya, “Bila manusia perlu kebebasan dan ingin memperolehi kebebasan mutlak, dia perlulah mencapainya melalui politik dan inilah politik itu berasal”

Semasa berada di England, LCE mempunyai hobi suka membaca buku sambil menunggang kuda. Beliau mula meminati kuda semasa belajar di Universiti. Baginya, kuda menjadi satu bahagian yang penting dalam kehidupan manusia sejak zaman silam lagi. Kuda digunakan untuk tujuan membawa barang dan dijadikan alat pengangkutan. Kuda juga menjadi tenaga yang penting dalam peperangan. Ini bererti, kuda merupakan senjata yang utama bagi memperolehi kuasa dan kawasan taklukan pada zaman kuno. Oleh itu, ia menunjukkan bahawa LCE menyamakan peranan kuda dengan kotak peluru sebagai alat memperolehi kuasa.<sup>36</sup> Tujuan LCE memelihara kuda bukan untuk tujuan

---

<sup>36</sup> Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.ii.

perjudian tetapi untuk mendalami pengetahuan tentang binatang tersebut. Ia menjadi hobi LCE sehingga hari ini.<sup>37</sup>

Di England pada waktu itu, pelajar Cina sering disalah anggap sebagai orang Jepun. Ini menyebabkan mereka selalu dimarahi dan dipukul oleh orang Inggeris. Akibatnya, ia merapatkan hubungan pelajar Cina dari seberang laut dengan pelajar dari negara China.<sup>38</sup> Peristiwa yang paling penting berlaku pada LCE semasa belajar di England ialah beliau berpeluang berkenalan dengan Xiao Qian dari China.<sup>39</sup> Xiao Qian dilahirkan pada tahun 1910 dan sembilan tahun lebih tua daripada LCE. Xiao Qian merupakan pensyarah di Universiti London. Beliau juga mengajar kelas bahasa Cina. Pelajar-pelajar kelas ini adalah pelajar Cina yang datang dari Tanah Melayu. Kebetulan LCE merupakan salah seorang pelajar dalam kelas ini dan ini memberi peluang kepadanya bergaul rapat dengan Xiao Qian. Xiao Qian sememangnya tertarik dengan ketekunan dan kepintaran LCE. Oleh itu, beliau berasa bangga kerana mempunyai seorang pelajar seperti LCE. Manakala LCE pula amat menghormati guru bahasa Cina ini. Keadaan ini menyebabkan mereka berdua sering mengadakan perbincangan dan lama kelamaan menjadi kawan karib walaupun berbeza dari segi latarbelakang dan umur. Pengenalan dengan Xiao Qian sesungguhnya memberi lebih banyak peluang kepada LCE untuk mempelajari tentang negara China. Ini kerana Xiao Qian dapat membekalkan maklumat tentang China yang diingini oleh LCE. Ternyata, beliau memainkan peranan yang penting dalam membentuk persepsi LCE mengenai negara China.

---

<sup>37</sup> *Sin Min Ryh Baw*, 17/8/94.

<sup>38</sup> Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.7-8.

<sup>39</sup> Beliau adalah bekas pelajar Universiti Yen King dan membuat pengkhususan dalam bidang kesusasteraan Inggeris sebelum bertukar ke jurusan kewartawanan. Beliau juga pemberita kampus. Pada tahun 1935, beliau bertugas sebagai editor kepada Pencetakan Ta Kong sebelum ditawarkan jawatan pensyarah bahasa Cina di Kolej Ketimuran Pengajian Ketimuran di Universiti London dengan gaji tahunan 250 pound sterling. *Ibid.*, hlm.8.

Hubungan LCE dan Xiao Qian bertambah erat apabila mereka mengadakan pertemuan lebih kerap dan menghabiskan masa berjam-jam di rumah masing-masing untuk perbincangan. Mereka juga memperkenalkan kawan masing-masing antara satu sama lain. Apabila LCE membincangkan topik saintifik dengan kawannya, Xiao Qian hanya berdiam diri kerana tidak meminati sains. Tetapi bila perbicangan berkisarkan kesusasteraan dan topik kreatif, maka Xiao Qian akan turut memberi pandangan. Selain itu, minat LCE pada kesusasteraan adalah kerana pengaruh Xiao Qian kerana mereka sering berbincang mengenai bentuk dan gaya kesusasteraan dan sasterawan. Salah satu karya Xiao Qian yang paling diminati oleh LCE adalah ‘Silkworm’ yang berunsur memberi galakan. Walaupun LCE bukan seorang pengarang yang meminati unsur-unsur romantik tetapi beliau banyak menulis sajak Inggeris. Malahan beliau boleh melukis lukisan yang boleh dipamerkan dalam pameran antarabangsa.<sup>40</sup>

Sesungguhnya, kehidupan LCE sebagai pelajar di England telah memberi satu pendedahan yang amat berguna kepadanya. Di sinilah, beliau berpeluang bergaul dengan pelajar-pelajar dari pelbagai negara terutamanya dari negara China. Ini membolehkan beliau lebih memahami keadaan di negara tersebut. Pendidikan yang diterima oleh LCE di England juga memberi pengaruh penting kepada corak pemikiran politiknya. Beliau telah dipupuk dengan sikap yang terbuka, kritikal dan berani memberikan pendapatnya. Sikap yang dimilikinya itu dijadikan pegangan dalam kehidupan politiknya nanti.

---

<sup>40</sup> *Ibid.*, hlm.9-10. *Malayan Thung Pao*, 2/6/69, SP45/3225, No.52, Vol.1.

### Pengalaman hidup di China

Selepas LCE memperolehi ijazah perubatan pada tahun 1944, beliau tidak mempunyai perancangan untuk kembali terus ke Pulau Pinang kerana Tanah Melayu masih berada di bawah pemerintahan Jepun. Faktor yang paling penting mendorong LCE ke China adalah kerana ingin melihat dengan matanya sendiri keadaan di China. Sungguhpun negara China tidak terkecuali dari serangan tentera Jepun tetapi LCE tertarik dengan semangat di kalangan pemuda-pemudi China yang tinggi kerana semua mengambil bahagian dalam menentang kuasa tentera Jepun dan menghalau mereka keluar dari China.

Pada masa yang sama, perjuangan Hitler menakluki dunia berakhir dengan penyerahan Kuasa Nazi kepada Kuasa Berikat pada Mei 1945. Ini membolehkan Amerika Syarikat menghantar lebih ramai tenteranya menentang Jepun di Asia dan China menjadi medan pertempuran yang utama. Sementara itu, pihak Nasionalis China dan pihak Komunis bekerjasama menggunakan Chungqing sebagai markas menentang Jepun. Mao Tze Tung dan Chiang Kai Shek menandatangani perjanjian kerjasama menentang Jepun di Chungqing pada 10 Oktober 1945. Perjajian ini dikenali sebagai Double Ten-Treaty.<sup>41</sup>

Pada masa inilah, LCE menyertai sekumpulan pelajar China memasuki medan peperangan di China melalui India. Destinasinya yang pertama ialah Chungqing. Ia menjadi medan strategik yang penting kepada pusat pertahanan China. Di Chungqing, LCE melibatkan diri dalam kerja-kerja perubatan dan menilai keadaan politik di China

---

<sup>41</sup> *Ibid.*, hlm.17.

sebagai orang luar. Beliau menyertai Unit Palang Merah Antarabangsa di bawah pimpinan Dr. Robert K.S.Lim.<sup>42</sup>

Kenangan paling manis buat LCE semasa berada di Chungqing ialah di sinilah beliau menemui seorang gadis dari Provinsi Hubei, namanya Goh Siew Yen dan nama samarannya ialah Sin Yoong.<sup>43</sup> Siew Yen berkhidmat sebagai jururawat dalam Bulan Sabit Merah. Oleh kerana mereka berdua mempunyai tugas yang sama dan sering bertemu, lama-kelamaan mereka telah jatuh cinta.

Perjumpaan dengan Goh Siew Yen merupakan peristiwa kedua terpenting dalam hidup LCE. Sungguhpun beliau banyak mempelajari mengenai China dari Xiao Qian, tetapi negara ini masih terlalu asing baginya. Semasa berada di China, beliau terpaksa menahan kesepian kerana tidak ada saudara-mara di China. Selain itu, beliau juga menjalani kehidupan dengan pendapatan yang sedikit. Siew Yen yang baik hati megubati hatinya yang sepi, memberi bantuan kewangan apabila perlu serta mendesaknya memperbaiki penguasaan bahasa Mandarin. Siew Yen selalu mengajar LCE bahasa Cina kerana penguasaan bahasanya yang lemah. Sungguhpun LCE pernah belajar bahasa Cina dengan Xiao Qian di England tetapi beliau jarang berpeluang berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Ini menyebabkan kefasihannya dalam bahasa tersebut terhad. Siew Yen

---

<sup>42</sup> *Sunday Times*, 30/3/58, SP 13/D/142. Robert K.S.Lim ( 1897-1969 ), berasal dari Singapura adalah anak kepada Lim Boon Kheng ( 1869-1957 ). Beliau banyak menyelamatkan nyawa mangsa perang di China. Robert Lim juga pernah memegang jawatan sebagai Pengetua Kolej Perubatan Sei Ho selama tiga tahun (1935-1937). Pada tahun 1942-1946, beliau berkhidmat sebagai Pengarah Pengurusan Perubatan kepada Jeneral dari Amerika Syarikat iaitu Joseph Warren Stilwell (1883-1946) di Burma. Menurut LCE, salah satu sebab beliau ke China adalah kerana kagum dengan kesungguhan Dr. Robert Lim. Lim Shui Hou, “Dr.Lim Chong Eu”, hlm.5.

<sup>43</sup> *Malayan Thung Pao*, 27/11/71, SP 45/3233, Vol.9, No.52. Goh Siew Yen berasal dari sebuah keluarga yang kaya. Bapanya memiliki kilang dan tanah. Kilangnya menghasilkan kain tekstil. Beliau tidak puas hati hanya menjadi seorang anak perempuan orang kaya, sebaliknya bercita-cita berjuang dan hidup di medan peperangan. Beliau ingin menghulurkan bantuan kepada mereka yang perlukan pertolongan. Swen Yen menyertai pasukan Bulan Sabit Merah dan membantu mereka yang cedera dan sakit di Chungqing. Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.18.

merupakan orang yang paling banyak memberi galakan dan dorongan kepada LCE semasa berada di China.

Dedikasi LCE yang tinggi semasa menjalankan tugas menyebabkan beliau diberi tanggungjawab dan tugas yang lebih berat. Beliau dipertanggungjawab dalam soal pembekalan ubat. Sesungguhnya LCE amat menghargai ubat pelali dalam jagaannya.<sup>44</sup> Walaupun beliau boleh menjual ubat tersebut dan mengaut keuntungan besar tetapi sikapnya yang jujur menghalang beliau berbuat demikian walaupun menjadi doktor di China pada masa itu perlu melalui kemiskinan hidup. Walaupun LCE adalah berasal dari sebuah keluarga yang kaya, tetapi beliau tidak boleh mengharapkan bantuan daripada bapanya kerana semasa perang, perkhidmatan pengangkutan udara tidak wujud sama sekali.

Sungguhpun Siew Yen sering menawarkan bantuan kewangan dan makanan kepada LCE, tetapi tawaran ini selalu ditolak oleh LCE. Beliau sering berkata “ Saya tidak perlu wang yang banyak dan makanan yang lebih ”. Ini menyebabkan Siew Yen selalu menasihat beliau menerima bantuan ini dengan mengemukakan alasan tidak ada sesiapa yang mengetahui apa yang berlaku pada keesokan hari kerana mereka mungkin menjadi tawanan perang dan mungkin tidak dapat bertemu lagi. Sebenarnya apa yang dijelas dan difikirkan oleh Siew Yen memang benar kerana dalam peperangan, tidak ada orang yang boleh merancang untuk hari esoknya. Dalam fikirannya, tidak ada sesiapa yang dapat meramal apa yang akan berlaku. Sebagai seorang yang sentiasa berdepan dengan kematian, kelaparan dan tentera yang cedera di medan peperangan, Siew Yen tidak dapat mengelakkan diri daripada bersifat pesimistik. Ini berbeza dengan LCE yang

---

<sup>44</sup> *Ibid.*, hlm.18-19.

lebih bersifat optimistik. Baginya, mereka berdua baru memulakan perjalanan hidup dan masa depan mereka adalah penuh dengan harapan.

Siew Yen adalah seorang gadis yang cantik dan baik hati, sedangkan LCE pula seorang anak muda yang bercita-cita tinggi, berilmu pengetahuan dan tidak takut menghadapi apa-apa kesusahan . Kedua-dua mereka memupuk kasih sayang dengan penuh kepercayaan dan penghormatan dan tidak semata-mata janji manis.<sup>45</sup> Pada hakikatnya, LCE sebenarnya tidak terlintas dalam fikiran akan berada di China dan menemui buah hatinya dari Hubei. Swen Yen pula tidak terfikir kekasihnya seorang Baba yang berasal dari Tanah Melayu. Takdirlah yang menemukan mereka; kerana itu, persahabatan dan kasih sayang diantara mereka amat dihargai.

Semasa LCE bertugas di Chungqing, beliau berpeluang mengenali ramai tokoh yang penting dalam kerajaan. Salah seorang daripada mereka ialah Chen Cheng.<sup>46</sup> Kebolehan LCE diakui oleh golongan masyarakat atasan kerana beliau pernah menjadi doktor pelatih di England, pengawai perubatan tentera dan seorang pakar sakit usus. Chen Cheng adalah salah seorang pasakitnya yang penting. Chen memilih untuk mendapatkan rawatan daripada LCE kerana yakin dengan kelayakan beliau yang mendapat kelulusan

---

<sup>45</sup> *Ibid.*, hlm.21-22.

<sup>46</sup> Chen Cheng dilahirkan pada 4 Januari 1898 di Provinsi Chetkiang. Beliau merupakan ketua dalam Kementerian Pertahanan. Selepas lulus latihan ketenteraan di Akademik Tentera Pauting, beliau dilantik sebagai pengajar di Kolej Tentera Yang Pao. Pada tahun 1926, beliau dinaik pangkat menjadi Leftenan dan berkhidmat dengan Pusat Arahan di sempadan Utara. Pada tahun 1937, Chen dilantik sebagai Komander Pasukan Tentera 4 sebelum dinaik pangkat mengetuai perang menentang pencerobohan Jepun di Wuhan. Beliau juga menjadi Ketua Kerajaan Hubei dan berkenalan dengan bapa Siew Yen. Chiang Kai Sek memandang tinggi pada Chen Cheng kerana penglibatannya dalam menentang pencerobohan Jepun. Chen menghidap penyakit kesakitan gastrik yang serius menyebabkan beliau menghantar seorang pembantunya mendapatkan seorang doktor pakar gastrik dari hospital untuk mengubatinya. Pada 1 Oktober 1949, pihak Komunis menewaskan Kuomintang dan menujuhkan Republik China dengan Mao Tze Tung sebagai presidennya. Pada 1 Mac 1949, Chiang Kai Sek berlepas ke Taiwan dan mengangkat dirinya sebagai Presiden Taiwan. Chen kemudiannya dilantik sebagai Naib Presiden Taiwan ( 1953-1963 ). Beliau meninggal dunia pada tahun 1965 di Taipei kerana penyakit Cancer. *Ibid.*, hlm.37-38.

perubatan dan latihan di England. Mereka berdua kemudiannya menjadi kawan karib. Chen juga mengambilnya sebagai doktor persendirian keluarganya.

Chen sebenarnya menaruh keyakinan yang tinggi pada LCE kerana kebijaksanaannya. Selain itu, hubungan rapat LCE dengan Swen Yen juga menyebabkan beliau lebih mempercayainya kerana ibubapa Swen Yen adalah kawan rapatnya. Untuk itu, Chen meminta LCE supaya tinggal bersamanya dan ingin membawanya menghadiri majlis sosial. Beliau memberi jaminan kepada LCE tidak berniat memintanya berhenti menjadi seorang doktor tetapi cuma berharap LCE dapat menjaga pemakanannya di samping dia dapat memperkenalkan LCE kepada orang kenamaan China. Walaupun tugas ini mudah tetapi LCE mengambil keputusan mempelajari lebih banyak mengenai China dan mengenali lebih ramai orang kenamaan.<sup>47</sup> Dalam perjanjian ini, LCE menjadi pembantu kepada Chen tetapi beliau tidak bersedia melibatkan diri dalam politik. Bagi LCE, ini satu peluang keemasan yang tidak harus dilepasnya. Beliau sering mendapat puji daripada Chen bukan sahaja dari segi skil profesinya tetapi juga kerana memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan seorang yang berdedikasi. Hubungan rapat dengan Chen membolehkan LCE dilantik sebagai Pengarah Pengurusan Perubatan dalam tentera China.<sup>48</sup>

Sebagai Ketua Pengawai, Chen merupakan orang kanan Chiang Kai Sek dan memperolehi kuasa yang besar. Chen mempunyai cita-cita untuk mengekalkan LCE di sisinya kerana beliau disifat sebagai seorang yang berpotensi besar untuk berjaya. Oleh itu, Chen menawarkan rumah dan harta benda kepada LCE supaya beliau setuju dengan permintaannya itu.

---

<sup>47</sup> *Ibid.*, hlm.22-24.



**Gambar 1.7 LCE bersama-sama dengan Xiao Qian**



**Gambar 1.8 Chen Cheng**

---

<sup>48</sup> LCE juga pernah berkhidmat sebagai Pengawai Pendaftaran di Kolej Perubatan Shanghai. *Sin Min Ryh Baw*, 20/4/94.

Walau bagaimanapun, LCE menolak hajat baik Chen Cheng itu kerana baginya, beliau tidak memerlukan apa-apa. Kekayaan dan nama itu tidak penting baginya. Beliau lebih mengutamakan kualiti hidup iaitu ia digambarkan oleh faktor spiritual dan bukan faktor materialistik. Selain itu, beliau juga tidak bercadang menetap terus di China kerana tujuannya hanya ingin melihat keadaan di China sahaja. Dalam hatinya, Swen Yen lebih penting daripada kekayaan.

Semasa berada di China, LCE masih meneruskan perhubungan persahabatan dengan Xiao Qian yang masih menjadi wartawan di England. Berita kepulangan Xiao Qian ke China pada tahun 1946 disambut dengan gembira oleh LCE. Dalam perjalanan pulang, Xiao Qian telah singgah di Pulau Pinang untuk menziarahi ibubapa LCE. Beliau yakin berita lawatannya ke Pulau Pinang adalah hadiah terbaik kepada LCE bila mereka bertemu. Walaupun mereka berdua telah lama tidak bertemu tetapi apa yang dilakukan oleh Xiao Qian adalah gambaran terbaik hubungan erat antara mereka.

Lawatan Xiao Qian ke Pulau Pinang juga menggembirakan ibubapa LCE. Mereka terharu dengan kedatangan Xiao Qian kerana sudah lapan tahun tidak menemui anak kesayangannya itu. Oleh itu, terdapat banyak yang hendak diperkatakan kepada LCE. Beliau meminta Xiao Qian membawa pesanannya kepada LCE. Pesanannya ialah kedua-dua orang tuanya amat merindunya. Selain itu, beliau memerlukan pertolongan LCE di klinik Su Beng. Kunjungan Xiao Qian ke Pulau Pinang menyebabkan beliau percaya kejayaan LCE dalam pelajaran adalah kerana memiliki sebuah keluarga yang berlatarbelakang baik.

Pada tahun 1946, Xiao Qian bertemu dengan LCE di Shanghai. Beliau turut tumpang gembira kerana kawan karibnya itu sudah mempunyai seorang teman wanita

yang rapat. Beliau turut menyampaikan pesanan ibubapa kepadanya dan menjelaskan mereka amat merinduinya. Pesanan ini benar-benar menggembirakan LCE. Dalam hati LCE, beliau amat merindui keluarganya di Pulau Pinang dan inilah salah satu faktor yang menyebabkan beliau menolak tawaran lumayan yang dikemukakan oleh Chen untuk menetap terus di China.

Di Shanghai, Xiao Qian bekerja sebagai wartawan manakala LCE pula bertugas dalam bahagian perkhidmatan perubatan dalam pasukan tentera. Semasa LCE berkhidmat di Shanghai, beliau sentiasa ditemani dan dibantu oleh Siew Yen dan ini menyebabkan hubungan mereka menjadi semakin erat. Ketiga-tiga mereka gembira hidup bersama. Xiao Qian dan LCE selalu berbincangkan mengenai kesusasteraan barat sepetimana mereka kerap lakukan di England.<sup>49</sup>

Pada tahun 1946, Xiao Qian menawarkan jawatan pensyarah di Universiti Fu Tan kepada LCE kerana terdapat tiga jawatan kosong untuk jawatan pengajar sementara dan beliau ingin LCE mencubanya. Pada mulanya, LCE berasa was-was untuk menerima tawaran tersebut kerana profesyen mengajar adalah sesuatu yang terlalu baru baginya. Walau bagaimanapun, atas nasihat dan bantuan Xiao Qian, beliau bersetuju menerima jawatan tersebut. Akhirnya, LCE mengajar di Fakulti Sastera Universiti Fu Tan.<sup>50</sup> Namun, tempoh beliau mengajar di Universiti ini tidak lama kerana Shanghai berada dalam keadaan huru-hara akibat persaingan kuasa antara pihak Kuomintang dan Komunis. Pada 12 Julai 1946, kerjasama antara Kuomintang dan Komunis berakhir dengan tercetusnya perang saudara yang merebak ke seluruh China. Selain itu, pelajar-pelajar termasuk dari Universiti Fu Tan telah menjalankan demonstrasi menentang

<sup>49</sup> Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.24-25.

<sup>50</sup> *Ibid.*, hlm.27.

Amerika Syarikat. Pelajar sekolah dan kolej pula terlibat dalam penganjuran anti-kelaparan dan anti perang saudara.

Dalam keadaan yang tidak menentu ini, LCE menerima sepuncuk surat daripada bapanya yang meminta beliau pulang ke Pulau Pinang pada tahun 1947 kerana mereka telah lama berpisah. Tambahan pula, klinik Su Beng perlu seseorang untuk mengerjakannya memandangkan badannya yang kian uzur dan lemah. Sememangnya Dr.Lim Chwee Leong amat mengharapkan kepulangan anak kesayangannya itu ke pangkuannya. Selepas membaca surat tersebut, LCE benar-benar terharu dan hatinya mula sedih. Beliau mengambil keputusan untuk pulang ke Pulau Pinang setelah mengetahui bapanya sakit. Beliau mengadakan beberapa perbincangan dengan Siew Yen untuk memujuknya pulang ke Pulau Pinang bersamanya. Untuk itu, beliau cuba menyakinkan Siew Yen bahawa Pulau Pinang adalah satu tempat yang cantik dan aman. Sungguhpun, negeri ini digambarkan dengan begitu menarik oleh LCE, tetapi Siew Yen pada awalnya menolak untuk pulang ke Pulau Pinang. Ini kerana, ia adalah satu tempat yang terlalu asing baginya. Selain itu, semua ahli keluarganya berada di China. Ini menyebabkan Siew Yen berada dalam keadaan serba salah iaitu samada ingin tinggal terus di China atau mengikut LCE pulang ke Pulau Pinang. Walaupun beliau memberi pelbagai alasan untuk memujuk LCE tinggal di China tetapi gagal. Akhirnya, LCE berjaya memujuk Siew Yen mengikutnya pulang ke Pulau Pinang dengan menerima syarat-syarat yang ditetapkan oleh Siew Yen. Pertama, lawatan ini hanya untuk tempoh yang singkat dan penetapan lama tidak akan dipertimbangkan. Kedua, tempoh maksimum tinggal di Pulau Pinang adalah enam bulan sahaja. Ketiga, LCE mesti menemaninya


pulang ke China dan memulakan kerjaya di sana. Keputusan Siew Yen ini benar-benar melegakan LCE yang tidak sabar-sabar hendak pulang ke Pulau Pinang.

Semasa LCE meninggalkan negara China, beliau hanya membawa bersama beberapa buah buku dan beberapa helai baju sahaja serta Siew Yen yang tercinta. Satu-satu perkara yang menyedihkan LCE adalah beliau terpaksa berpisah dengan kawan-kawannya di Shanghai, Chengtu dan Chungqing terutamanya Xiao Qian. Ini kerana beliau tidak pasti bila dapat bertemu semula dengan mereka. Manakala Siew Yen pula, walaupun beliau runsing kerana perlu meninggalkan kampung halamannya tetapi kerisauan ini berkurangan bila dapat bersama dengan LCE.<sup>51</sup>

Pengalaman hidup LCE selama lapan tahun di England dan kemudiannya di China telah memberi kesan yang mendalam kepadanya. Ini kerana semasa dalam peperangan, beliau sering melihat nyawa manusia terkorban menyebabkan beliau sangat menghargai keamanan dan kebebasan. Selain itu, ia turut memberi pendedahan kepada LCE untuk menjadi seorang yang lebih tabah menghadapi apa-apa situasi dan ternyata ini banyak membantu dalam kerjaya politiknya. Selain itu, perhubungan persahabatannya yang erat dengan Xiao Qian juga menunjukkan beliau adalah seorang yang amat mementingkan persahabatan.

---

<sup>51</sup> *Ibid.*, hlm.35-38. Tee Ai Kin dan Sung Chek Mei mengatakan LCE hanya pulang ke Pulau Pinang pada tahun 1950. Tee Ai Kin, “ YAB Dr.Lim Chong Eu ”, hlm.13. Sung Chek Mei ( ed ), *Who's Who in Singapore and Malaysia*, hlm.233. Penulis berpendapat tahun 1947 merupakan tahun kepulangan LCE ke Pulau Pinang berdasarkan tulisan terbaru Lim Shui Hou. Lim Shui Hou, “ Dr.Lim Chong Eu ”, hlm.5.



Gambar 1.9 Keadaaan perang di Chungqing pada tahun 1944.



Gambar 1.10 Mogok penduduk dan pelajar di Shanghai pada tahun 1949.

### **Kembali ke Pulau Pinang**

Semasa dalam perjalanan pulang ke Pulau Pinang, pada tahun 1947, LCE dan Siew Yen singgah di Hong Kong. Mereka membuat keputusan untuk mendaftar sebagai pasangan suami isteri yang sah.<sup>52</sup> Walaupun LCE berasal dari sebuah keluarga yang berfikiran agak terbuka iaitu masyarakat Baba di Pulau Pinang, tetapi ikatannya dengan ciri-ciri tradisional Cina adalah kuat. Perkahwinan mereka diadakan di Hong Kong dalam keadaan yang sederhana dan ringkas. Tidak ada jamuan, pakaian cantik dan sambutan meriah. Tujuan mereka mengadakan perkahwinan ini secara tergesa-gesa adalah supaya LCE dapat memperkenalkan Siew Yen kepada orang tuanya sebagai isteri dan bukan seorang teman wanita. Idea ini mudah diterima oleh Siew Yen kerana beliau lebih mengutamakan hidup bersama LCE daripada upacara perkahwinan yang meriah.

Apabila LCE tiba di Pulau Pinang, beliau mendapati keadaan negeri ini banyak mengalami perubahan selepas berada di bawah pemerintahan Jepun selama lebih dari tiga tahun. Siew Yen pula terpaksa menyesuaikan diri dengan suasana baru. Bandar yang kecil dan senyap ini amat berbeza dengan bandar di China..

Manakala LCE mendapati masyarakat Cina di Tanah Melayu terbahagi kepada dua pihak iaitu penyokong Kuomintang dan peyokong Komunis akibat persaingan kuasa dua kumpulan ini di China. Yang berbeza adalah dua-dua pihak ini bersaing mencari pengaruh melalui tulisan dalam akhbar dan bukan melalui senjata seperti di China. Walau bagaimanapun, LCE tidak memihak kepada mana-mana pihak kerana beliau membuat penilaian berhati-hati sebelum menyokong Kuomintang atau Komunis. Selain itu, LCE

---

<sup>52</sup> *Sunday Times*, 30/3/58, SP 13/D/142. Hasil perkahwinan LCE dengan isterinya, mereka dikurniakan empat orang anak iaitu dua orang lelaki dan dua orang perempuan. Anak sulung, Lim Chien Aun ialah seorang Penilai yang terkemuka dan kini adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Anak lelaki kedua ialah Lim Chien Cheng, seorang penguam. Anak perempuan pertamanya ialah Lim Poh Lin yang

seperti anggota masyarakat Baba yang lain adalah lebih menyokong kerajaan British kerana selama ini hubungan masyarakat ini dengan kerajaan memang baik.

Buat permulaan, LCE membantu bapanya di klinik Su Beng. Klinik ini tidak mengalami sebarang kerosakan semasa pendudukan Jepun. Perniagaan klinik bertambah baik dengan kerjasama antara LCE dan bapanya. Walau bagaimanapun, kehidupan yang tenang ini tidak dapat memberi kepuasan kepada LCE yang ternyata lebih suka kepada kehidupan yang mencabar. Oleh itu, beliau memutus berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan dengan Angkatan Tentera Udara Tambahan Malaya dari tahun 1951 hingga tahun 1954. Hajatnya ini tidak dihalang oleh bapanya kerana menghormati keputusan anaknya.

Manakala Siew Yen pula sangat menghormati kedua-dua bapa dan ibu mertuanya yang baik hati dan bertimbang rasa. Beliau dengan mudah bergaul dengan semua ahli keluargnya dan mendapati mereka amat bersopan santun dan berpendidikan tinggi. Walaupun beliau hidup gembira di Pulau Pinang tetapi hatinya masih teringin hendak pulang ke China. Beliau sentiasa mengikuti perkembangan politik di China. Bagaimanapun, impiannya untuk kembali ke China musnah apabila keadaan politik di China semakin tegang kerana pihak komunis telah bertindak menguasai seluruh tanah besar China. Ini menyebabkan kata sepakat beliau dengan LCE sebelum ini hanya tinggal janji sahaja. Beliau kemudiannya memutus tinggal tetap di Pulau Pinang. Siew Yen hanya dapat pulang ke China menziarahi keluarganya pada tahun 1957 iaitu sebelum

---

berkahwin dengan Ong Keng Poh, seorang jurubina. Anak perempuan keduanya kini berada di Nepal. Lim Shui Hou, ‘Dr.Lim Chong Eu’, hlm.4.

Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dengan bantuan Gabenor Pulau Pinang iaitu Mr.Pinhorn.<sup>53</sup>

Dari tahun 1947 hingga 1951, LCE tidak menyertai arena politik<sup>54</sup> kerana baru kembali ke Pulau Pinang dan ingin menumpukan sepenuh perhatian membantu bapanya di klinik. Tarikh sebenar beliau menjak kaki dalam kancah politik ialah pada 30 April 1951 apabila beliau dilantik sebagai anggota Majlis Negeri Selat Pulau Pinang ( Penang State Settlement Council ).<sup>55</sup> Faktor yang paling penting mendorong beliau melibatkan diri dalam politik ialah kerana baginya sebagai seorang pelajar yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri atas tajaan biasiswa, maka menjadi kewajipannya berkhidmat dengan masyarakat.<sup>56</sup> Seperkara yang menarik adalah beliau tidak memulakan kerjaya politiknya dengan menyertai MCA ( Malayan Chinese Association ).<sup>57</sup>

Faktor utama memudahkan LCE mendapat tempat dalam dunia politik kerana ayahnya adalah seorang pemimpin yang berpengaruh di kalangan masyarakat Baba. Beliau juga merupakan Ahli Dewan Hal-Ehwal Orang Cina sehingga beliau bersara dari aktiviti sosial dan politik pada awal tahun 1940. Penglibatan bapanya dalam politik banyak memberi kesan kepada LCE dan mendorongnya mengikut jejak yang sama. Kedudukannya sebagai anak Dr.Lim Chwee Leong, pengaruh keluarga yang besar, pencapaian akademik yang cemerlang serta status sosial yang tinggi menjadi aset utama LCE menceburkan diri dalam politik. Penglibatan LCE dalam politik menjadi tumpuan

<sup>53</sup> Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.40-42.

<sup>54</sup> *Ibid*, hlm.44.

<sup>55</sup> *Malayan Thung Pao*, 1/6/69, SP 45/ 3225, Vol.1, No.52.

<sup>56</sup> *Sin Min Ryh Baw*, 20/4/94.

<sup>57</sup> MCA ditubuhkan pada 27 Februari 1949 dengan Tun Tan Cheng Lock adalah Presiden pertamanya. Tujuannya adalah memberi perlindungan kepada orang Cina iaitu membersihkan orang Cina bukan komunis daripada sebarang prasangka kerajaan British dan orang Melayu. MCA ditubuhkan bertujuan untuk menyatukan orang Cina bukan Komunis. Sidek Fadzil, *Sejarah Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm.119-120.

ramai bila beliau menyertai Dewan Negeri Kolonial kerana sentiasa berpakaian kemas dan usia yang begitu muda iaitu cuma 32 tahun sahaja, padahal kebanyakan ahli dewan ini agak lanjut usianya.

Beliau berasa sungguh gembira dengan penghormatan ini dan selalu berkongsi kegembiraan ini dengan isterinya. Ini merupakan peluang kepada beliau untuk membuktikan kelebihannya dengan mempratikkan apa yang dipelajari selama ini. Beliau tidak ingin meyertai MCA kerana ingin mencipta satu senario politik yang baru di Pulau Pinang.<sup>58</sup> Untuk mencapai cita-cita ini, beliau menaruh harapan besar menuju sebuah parti baru.<sup>59</sup>

Untuk itu, LCE mengadakan perbincangan dengan isterinya mengenai keinginan melibatkan diri dalam politik secara serius kerana menyedari tindakan ini boleh menyebabkan beliau akan kekurangan masa bersama keluarganya. Beliau sedar pentingnya mendapat restu dan pandangan daripada isterinya supaya dapat menumpukan sepenuh perhatian pada kerjaya politik. Selain itu, beliau juga percaya kejayaan seorang suami adalah kerana sokongan isterinya. LCE selalu menasihatkan mereka yang ingin melibatkan diri dalam politik supaya berbuat demikian.<sup>60</sup> Ini menunjukkan beliau adalah seorang yang sangat menghormati dan menyayangi isterinya.

---

<sup>58</sup> Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.45.

<sup>59</sup> Parti Radikal ditubuhkan oleh LCE bersama sekumpulan peguam dan golongan profesional dalam masyarakat. *Malayan Thung Pao*, 1/6/69, SP45/3225, Vol.1, No.52. Perbincangan lebih lanjut mengenai parti ini dibuat dalam bab 2.

<sup>60</sup> Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, him.45-46. Puan LCE percaya suaminya melibatkan diri dalam politik adalah bertujuan untuk berkhidmat kepada masyarakat. *Straits Echo*, 12/9/71, SP45/3233, Vol.9, No.52.